

Headline	Taman Tugu rimba di tengah kota			
MediaTitle	Berita Harian			
Date	23 Nov 2019	Color	Full Color	
Section	Nasional	Circulation	82,252	
Page No	46	Readership	246,756	
Language	Malay	ArticleSize	618 cm ²	
Journalist	Norhafzan Jaafar dan Humaira Azizan		AdValue	RM 20,464
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,392	



Taman Tugu rimba di tengah kota



Antara laluan pejalan kaki di Projek Taman Tugu, di Kuala Lumpur. (Foto Mohd Khairul Helmy Mohd Din /BH)



Pemandangan dari udara Projek Taman Tugu, Kuala Lumpur.

Projek sebelah Parlimen simpan pelbagai khazanah alam seluas 27 hektar

Oleh Norhafzan Jaafar dan Humaira Azizan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siapa sangka di sebalik hiruk-pikuk Kuala Lumpur yang dikelilingi hutan batu anda boleh menikmati suasana indah hutan hujan tropika.

Terletak bersebelahan Parlimen dan Taman Botani Perdana, Projek Taman Tugu berhampiran Tugu Negara ini menyimpan pelbagai khazanah alam membabitkan kawasan hutan sekunder seluas hampir 27 hektar.

Mungkin ramai yang belum menyedari kewujudan taman hutan bandar ini yang menjadi sebahagian daripada inisiatif Khazanah Nasional Bhd dalam usaha memulihara dan memelihara kawasan hijau di tengah Kuala Lumpur.

Sejak dibuka tahun lalu, taman ini menyediakan laluan hutan pejalan kaki sejauh empat kilometer yang cukup sesuai bagi aktiviti riadah sekeluarga, terutama pada hujung minggu dan cuti umum.

Pengarah Eksekutif Projek Taman Tugu, Calvin Jacob, berkata kawasan terbabit pada asalnya memiliki hampir 1,000 pokok pelbagai jenis daripada spesies hutan hujan.

"Tetapi kami menambah lebih 4,000 pokok lagi membabitkan lebih 230 pelbagai spesies hutan hujan tempatan. Satu daripada kriteria pemilihan pokok terbabit adalah mampu menjadi tarikan kepada fauna.

"Penambahan fauna ke kawasan ini secara tidak langsung akan meningkatkan biodiversiti, selain menggalakkan pertumbu-



Penambahan fauna ke kawasan ini secara tidak langsung akan meningkatkan biodiversiti.

Calvin Jacob, Pengarah Eksekutif Projek Taman Tugu

han ekosistem taman hutan ini secara keseluruhannya," katanya kepada BH.

Projek Taman Tugu turut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk mengenal pasti dan meletakkan tanda nama pada pokok di kawasan terbabit.

Antara spesies pokok yang dikenal pasti termasuk jelutong, tembesu, pulai dan gaharu yang ada di antaranya dianggarkan berusia hampir 100 tahun.

Menelusuri laluan hutan ini, anda tidak perlu bimbang kerana hampir setiap laluan adalah bertanda sekali gus menjadi panduan kepada pengunjung, selain memudahkan mereka dikesan sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

Menariknya, kawasan hutan sekunder ini pernah menjadi tapak kediaman pegawai Inggeris ketika zaman kolonial sebelum kawasan terbabit dijadikan kuarters kakitangan kerajaan tidak lama dulu.

Jika berkunjung ke sini, anda akan dapat melihat sendiri peninggalan berkekaan, termasuk tapak rumah dan sisa tangga kediaman yang ada di antaranya dibaik pulih untuk

dijadikan laluan pejalan kaki.

Turut menarik perhatian sepanjang laluan hutan ini adalah beberapa pokok kelapa sawit yang dipercayai dibawa dari Afrika pada era pemerintahan British dulu, untuk dijadikan pokok hiasan di kawasan kediaman pegawai mereka.

Bagi melepaskan lelah seketika selepas merentasi hutan, bangku dan gazebo turut disediakan, selain buaian sebagai tarikan jika anda membawa kanak-kanak bersama.

Taman ini dibuka setiap hari secara percuma kepada orang ramai bermula tujuh pagi hingga 6.30 petang. Selain kemudahan asas seperti tandas awam dan bilik solat, Projek Taman Tugu turut menyediakan tempat bagi penganjuran pelbagai acara termasuk majlis korporat, hari jadi dan perkahwinan dengan kadar bayaran berpatutan yang akan disalurkan bagi menyokong inisiatif pemuliharaan kawasan hijau awam ini.

Maklumat lanjut boleh didapati di Facebook atau Instagram @friendsoftamantugu atau di www.tamantuguproject.com.my.



Antara kemudahan disediakan di Projek Taman Tugu.